

# Bomba cadang bangunan diaudit setiap 10 tahun

PUTRAJAYA – Jabatan Bomba dan Penyelamat mencadangkan supaya semua pemilik bangunan melakukan audit keselamatan kebakaran setiap 10 tahun bagi memastikan keadaan keselamatan sentiasa terjamin.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, audit tersebut perlu dilakukan oleh juruaudit atau perunding yang mempunyai kepakaran khusus berkaitan keselamatan kebakaran.

“Apabila bercakap tentang aspek keselamatan, kita perlu memastikan keselamatan kebakaran bukan sahaja untuk bangunan baharu yang perlu mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), Sijil Kelayakan Men-



KERATAN *Kosmo!* 14 Februari 2018.

duduki Bangunan (CF) tetapi bangunan yang diduduki untuk sepanjang hayat juga perlu diaudit,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Prapelancongan Persidangan dan Pameran Kebombaan Antarabangsa (IFCEM 2018) di sini semalam.

*Kosmo!* pada 14 Februari lalu melaporkan bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

(KWSP) di Jalan Gasing, Petaling Jaya terbakar yang dipercayai berpunca daripada percikan api ketika kerja-kerja penyenggaraan dilakukan di tingkat satu bangunan itu.

Dalam pada itu, Wan Mohd. Nor berkata, perakuan CF dan CCC yang dikeluarkan oleh jabatan itu mematuhi standard dan piawaian antarabangsa dan mendapat pengiktirafan di seluruh dunia.

“Kita mempunyai ramai perunding keselamatan kebakaran antarabangsa dan pelancongpelancong asing yang datang ke negara tinggal di hotel-hotel serta bangunan. Jika kita tidak mempunyai standard yang bagus mereka tidak akan datang dan tinggal di sini,” katanya.



AUDIT keselamatan kebakaran perlu dilakukan bagi mengelak kejadian bangunan KWSP terbakar di Jalan Gasing, Petaling Jaya pada 13 Februari lalu berulang lagi. – Gambar hiasan